



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 14 OGOS 2025**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHIBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BANCI PERTANIAN: DATA TEPAT, DASAR MANTAP, MAKANAN TERJAMIN, KELANTAN, HARAKAH – 11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	MELOSEL, A UNIQUELY S'GOR GOURD, EVENTS, THE STAR – 5	
3.	13.66 TAN KARKAS BABI TANPA PERMIT DILUPUS, NEGARA, KOSMO – 16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	MRL PULIHARA BIODIVERSITI PENYU, NIAGA, KOSMO – 38	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Banci pertanian: Data tepat, dasar mantap, makanan terjamin

**PASIR PUTEH:** Banci Pertanian 2024 diyakini menjadi pemacu utama dalam merangka dasar pertanian negara yang lebih menyeluruh dan mampan, berasaskan data asas sektor yang lengkap, tepat dan terkini.

Menteri Besar Kelantan, Dato' Panglima Perang Ustaz Mohd Nassuruddin Daud berkata, dapatan bincian amat penting bagi membantukan kerajaan membentuk dasar yang menyokong pertumbuhan jangka panjang sektor tersebut.

"Di Kelantan, terdapat 87,203 pegangan pertanian individu yang terlibat dalam pengeluaran tanaman, penanaman, perikanan, akuakultur, pembalakan dan per-

hutanan.

Menariknya, sektor ini didominasi oleh kumpulan umur 60 tahun ke atas iaitu seramai 42,402 orang atau 48.6 peratus daripada jumlah keseluruhan, katanya.

Teks ucapan yang dibacakan Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika merasmikan Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024, Negeri Kelantan di Dewan Tok Janggut, Jeram Mengaji Agro Resort, di sini.

Menurutnya, data bancian membolehkan kerajaan mengenal pasti petani dan penternak yang layak menerima bantuan seperti-

pengairan serta pusat pengumpulan hasil.

Beliau menambah, maklumat seperti keluaran hasil, keluasan tanaman dan populasi ternakan dapat dimanfaatkan pelabur, pengeksport dan pembuat dasar untuk merancang kerjasama strategik, membuka peluang perniagaan baharu dan menjamin keselamatan makanan negara melalui pengurusan stok yang bijak.

Majlis turut dihadiri Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin; Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan, Mohd Shahrill Abd Rashid serta pengarah agensi-agensi pertanian negeri.



Ketibaan Tuan Mohd Saripudin ke lokasi majlis.

ti subsidi baja, benih dan merancang pembangunan infrastruktur ladang, sistem skim pembiayaan, selain

# Melosel, a uniquely S'gor gourd

Premium fruit can fetch RM15 per kg, the highest among locally grown varieties

Story and photos by GRACE CHEN  
gracechen@thestar.com.my

THOSE who have tasted the melosel, a melon variety developed specifically for Selangor, have described it as sweet and crunchy like an apple.

To connoisseurs, the delicate orange flesh is likened to maple syrup, best paired with thinly sliced cured meats and soft cheeses like brie and camembert.

To promote this fruit, Selangor Agriculture Department held a two-day event called "Kuala Langat Melon Day" for the first time at Kampung Endah Agricultural Centre in Banting,

where the largest melosel farm with 10,000 plants is located.

Visitors were allowed to go into the fertigation plots and pick their own fruits at a promotional price of RM10 per kg.

Booths livened up the event, offering melon-based products such as ice-cream, juices, coffee, traditional *kath* and pickles.

The idea for pickles came about as Syed Muhammad Amirudin Syed Dawal wanted to rescue unripe fruits that did not meet quality standards.

He ended up winning not one but two innovation awards for his efforts.

On the origins of the melon, guest-of-honour Selangor infrastructure and agriculture committee chairman Datuk Izhah Hashim said: "This is my baby."

In telling the history of melosel, Izhah, who had just taken up his post as state executive councillor in 2018, recalled meeting Chua Kim Aik, a seed expert in Batu Arang.

Chua is chief executive officer of Green World Genetics (GWG) Sdn Bhd, the only local company that conducts crop seed development studies in the country.

"I told him, I wanted a melon seed just for Selangor and specifically, the flesh must be orange in colour.

"This is because in the psychology of colour, orange induces hunger.

"I also told him that I wanted the melon to be sweet, fragrant and for its outer skin to be yellow so that it would look



Syed Muhammad makes melon pickle from unripe fruit.

unique," he said.

Izhah said Chua asked for two years to develop the seed, during which many plantings were carried out to ensure the seeds were stable enough to produce healthy plants.

"When Chua finally called, he had several clones ready for us to select.

"In terms of texture, there were two types - one was soft like the Yubari melon.

"Another was crunchy. We picked the latter," said Izhah.

The seed was launched by Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, who also gave the fruit its name.

The result of the first crop of 500 seeds was successfully produced at Selangor Melon Farm in Sungai Besar, after two months from its planting in 2023.

Falling within the Sabak Bernam Area Development Project, this would be the first location where the melosel was planted commercially using smart farming methods by local entrepreneurs.

"At present, the melosel is categorised as a premium fruit, fetching a market price of RM15 per kg, the highest among locally grown melons," said Izhah.

In answer to whether the fruit was ready for the export market, he said this market sector would have to wait until production was able to fulfil local demand, as the melosel was gazetted



(Front, from left) Wan Mohammad Zulkarnain, Kamarul, Azahar and Izhah having a closer look at the fruiting melosel plants at Kampung Endah Agricultural Centre in Banting.



Children enjoying melon ice-cream during 'Kuala Langat Melon Day'.



Sweet and crunchy melosel developed specifically for Selangor.


which meant it could only be planted in Selangor.

Kamarul Iqbal Ismail, managing director of KMK Agro Global Produk which runs a melosel

farm at Kampung Endah Agricultural Centre, said its production would be increased to 30,000 plants for the upcoming planting season.

Also present at the event were Selangor Agriculture Department director Azahar Ibrahim and his deputy Wan Mohammad Zulkarnain Baharudin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2025	KOSMO	NEGARA	16



SEBAHAGIAN daripada 13.66 tan karkas babi yang dirampas JPV Terengganu di Bukit Apil, Besut baru-baru ini.

## 13.66 tan karkas babi tanpa permit dilupus

- Dua lori yang mencurigakan ditahan di Bukit Apil
- Kenderaan suspek diekori PGA dari Pasir Puteh, Kelantan

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI

**KUALA TERENGGANU** – Sebanyak 13.66 tan karkas babi yang dibawa tanpa dokumen perjalanan sah telah dilupuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Datuk Dr. Azman Ibrahim berkata, pelupusan itu dilakukan setelah

menerima perintah mahkamah pada Ahad lalu.

"Karkas itu dirampas daripada operasi menahan dua lori mencurigakan yang membawa muatan berkenaan pada Sabtu lalu.

"Dua lori terbabit diekori Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 Kelantan dari Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan sebelum ditahan di Bukit Apil, Besut dekat sini," katanya di sini semalam.

Azman berkata, dua lori terbabit kemudiannya diserahkan kepada Pasukan Penguat Kuasa JPJ Terengganu untuk tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati kedua-dua kenderaan itu membawa karkas babi tidak mempunyai sumber jelas dan tidak melalui proses pemeriksaan disyaratkan.

Azman menambah, kes terse-

but disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Beliau berkata, sebelum ini, hampir 10 metrik tan karkas babi yang juga dipindahkan tanpa kebenaran telah dirampas JPJ Terengganu pada 2023.

"Kita tidak menolak kemungkinan pemindahan karkas babi tanpa permit itu dilakukan berikutan kawalan ketat susulan penularan wabak Demam Babi Afrika (ASF) di beberapa negeri.

"Sampel karkas babi itu telah diambil bagi mengesan kemungkinan kehadiran penyakit ASF yang telah dilaporkan di beberapa negeri seperti Pulau Pinang dan Selangor," katanya.

Azman berkata, JPJ akan terus memperketat penguatkuasaan bagi memastikan bekalan makanan ternakan yang memasuki ke negeri ini bebas daripada penyakit berbahaya.

## MRL pulihara biodiversiti penyu

**KEMAMAN** – Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), pemilik projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melaksanakan program pemuliharaan penyu di Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah, Kerteh di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata, ia melibatkan aktiviti pembersihan pusat konservasi tersebut dan pelepasan anak penyu yang disertai 60 orang kakitangannya.

"Kami meluangkan masa kira-kira dua jam bergotong-royong membersihkan dan mengindah-

kan Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah ini.

"Selain itu, sebanyak 200 ekor anak penyu dilepaskan ke pantai, simbolik usaha pemuliharaan dan komitmen bersama dalam melindungi spesies terancam berkenaan," katanya ketika ditemui di Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah, Kerteh di sini semalam.

Darwis berkata, program yang mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Terengganu itu membuktikan komitmen MRL dalam melaksanakan program kelestarian alam sekitar, khususnya bio-

diversiti penyu.

Tambahnya, ia turut mencerminkan iltizam MRL dalam menyokong usaha berterusan bagi melindungi alam sekitar dan memulihara ekosistem.

"MRL sentiasa menitikberatkan aspek pemeliharaan alam sekitar sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap prinsip ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus).

"Pelaksanaan projek pembangunan ECRL juga dipastikan berjalan seiring dengan tanggungjawab menjaga alam sekitar," katanya.



**KAKITANGAN MRL melepaskan kira-kira 200 ekor anak penyu di Pusat Konservasi Penyu Ma' Daerah, Kemaman.**